



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 JULAI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Selangor, Pusat masih berunding | 61 |
|-----------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|-------------------------------------------------------|----|
| - BACAAN YASIN, TAHLIL SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-27 | 47 |
|-------------------------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 JULAI 2019 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor, Pusat masih berunding
Muka Surat	61

Kadar baharu tarif air di Selangor

BH 217/19 ms 61

Selangor, Pusat masih berunding

Shah Alam: Kerajaan Selangor masih berunding dengan Kerajaan Persekutuan berhubung kadar baharu tarif air di negeri itu, kata Menteri Besar, Amirudin Shari.

Beliau berkata, rundingan itu mengambil sedikit masa kerana kerajaan negeri mahu memastikan kenaikan tarif air tidak membebankan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah.

"Bagi pihak Kerajaan Selangor, kita sendiri ada kemukakan beberapa cadangan (kepada Kerajaan Persekutuan). Kita mahu

pastikan kelompok tertentu tidak terjejas dengan kadar baharu tarif air ini.

"Kita tidak akan bersetuju dengan kadar baharu tarif air jika ia membebankan rakyat."

"Namun, dalam masa sama kita kena pastikan juga kewangan kerajaan negeri tidak terbeban," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Aidilfitri Invesi Selangor Berhad di sini, semalam.

Amirudin berkata, kadar tarif air wajar disemak selepas sekian lama kekal pada kadar sama.

"Bukan di Selangor sahaja kadar tarif air (tidak disemak), tetapi di negeri lain sudah ber puluh tahun tiada kenaikan tarif air."

"Tarif air yang sudah lama tidak disemak akan mengganggu kestabilan kewangan negeri," katanya.

Pada 12 April lalu, Amirudin dilaporkan berkata, kadar baharu tarif air di Selangor akan diumumkan pada Jun atau bulan ini.

Sebelum ini, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, ka-

dar tarif air di seluruh negara akan dinaikkan secara berperingkat-peringkat tahun ini, selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air.

Beliau berkata, kenaikan tarif air perlu dilaksanakan bagi menjaga kepentingan pengguna untuk mendapatkan air berkualiti serta menjamin industri itu dari sudut perkhidmatan.

Katanya, perundingan untuk menaikkan tarif air perlu dilakukan kerana kadar berkenaan tidak pernah disemak dalam tempoh 20 tahun.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
03 JULAI 2019 (RABU)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	BACAAN YASIN, TAHLIL SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-27
Muka Surat	47

sah," menurut kenyataan itu. Penjaja Warga Asing di Pasar Harian Selangor, Kuala Lumpur baru-baru ini.

UM 3/7/19 ms 47



BACAAN YASIN, TAHLIL SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-27

SERAMAI 800 kakitangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengadakan bacaan yasin dan tahlil sempena sambutan Ulang Tahun MPAJ Ke-27 di Galeri MPAJ pagi kelmarin.

MAJLIS turut dihadiri Yang Dipertua (YDP) MPAJ, Datuk Abd. Hamid Hussain, Timbalan YDP, Hasrolinizam Shaari, Ahli-ahli majlis, pengarah jabatan dan kakitangan MPAJ.

Abd. Hamid berkata, majlis turut diadakan bagi memohon keberkatan dan dipermudahkan dalam memberi perkhidmatan terbaik dan cemerlang kepada setiap warga di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

"Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan yang selama ini melaksanakan tugas, tanggungjawab dan amanah dengan baik serta berintegriti," katanya dalam majlis tersebut.

■ ABD. HAMID HUSSAIN (sembilan dari kanan, barisan hadapan) bersama Ahli-ahli Majlis, pengarah jabatan dan kakitangan selepas majlis bacaan yasin dan tahlil sempena sambutan ulang tahun ke-27 MPAJ di Ampang Jaya, Selangor baru-baru ini.